LA DA LI LA THAM POM

Permainan ini juga disebut sebagai 'Lat Tali Lat Lai Li Tam Peloi' dan boleh dimainkan di dalam ataupun di luar rumah. Lazimnya dimainkan oleh kanak-kanak perempuan mahupun lelaki berumur lima tahun keatas terdiri tidak kurang dari tiga pemain. Ianya merupakan satu kaedah untuk menentukan undian, kumpulan atau pemain yang akan memulakan permainan dan tidak menggunakan sebarang peralatan ketika bermain, pemain-pemain akan berdiri berhadapan antara satu sama lain dalam satu bulatan.

Mereka akan menyembunyikan telapak tangan masing-masing di belakang badan dan menyebut 'La Da Li La Tham Pom' secara serentak. Sebaik sahaja 'Pom' disebutkan, pemain-pemain mestilah mengeluarkan telapak tangan masing-masing dan menghadapkannya ke atas atau ke bawah. Pemain yang menghadap telapak tangannya berlainan daripada pemain lain akan menjadi 'mangsa', 'ibu', ketua atau keluar dari undian. Jika ada pemain yang menghadapkan telapak tangannya ke arah yang sama, permainan ini akan diulangi semula.

LA DA LI LA THAM POM

This game is also known as 'Lat Tali Lat Lai Li Tam Peloi' of which the game aims to select the order of players or teams required for the next game or activity. It is played by both girls and boys aged five years and above, involving at least three players and can be played indoor or outdoor. As the players stand facing each other's in a circle, the participants first hide one hand behind them and later exclaim "La Da Li La Tham Pom' of which at 'Pom' they must simultaneously reveal their hand with their palms either facing up or down. The person whose palm is facing the opposite direction will either be the chosen one or expelled from participating in the next game. Should all players show the same direction of palms, the game is repeated.



